



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGURUSAN HUTANG DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA DI ZON  
TENGAH, SEMENANJUNG MALAYSIA***

***NURAINI BTE ABDULLAH***

**FEM 2015 56**



**PENGURUSAN HUTANG DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA DI ZON  
TENGAH, SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**NURAINI BTE ABDULLAH**


**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

**Februari 2015**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

## **PENGURUSAN HUTANG DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA DI ZON TENGAH, SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**NURAINI BTE ABDULLAH**

**Februari 2015**

**Pengerusi : Mohamad Fazli bin Sabri, Ph.D**

**Fakulti : Ekologi Manusia**

Pengurusan hutang merupakan salah satu aspek yang penting dalam pengurusan kewangan peribadi seseorang. Tanpa pengurusan hutang yang cekap, pekerja muda akan gagal dalam menguruskan wang dengan baik. Fasa peralihan yang dihadapi oleh pekerja muda menjadikan mereka tidak bersedia dalam menguruskan kewangan peribadi kerana pada peringkat ini pembentukan komitmen terhadap wang mula berlaku. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda berdasarkan faktor sosio demografi, mengkaji perkaitan literasi kewangan, jenis sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan serta mengkaji faktor yang mempengaruhi pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda.

Seramai 508 orang pekerja muda berumur 40 tahun ke bawah yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta di Zon Tengah terlibat dalam kajian ini. Sampel diambil berdasarkan kaedah persampelan rawak berlapis. Data bagi kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang diselia sendiri oleh responden. Analisis data dibahagikan kepada analisis deskriptif dan inferensi yang melibatkan Ujian-t, Ujian ANOVA, Ujian Korelasi Pearson dan Regresi Pelbagai.

Daripada seramai 508 orang responden, terdapat 313 orang responden perempuan (61.6%) dan 195 orang responden lelaki (38.4%) terlibat dalam kajian ini. Kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 26-30 tahun dengan purata umur adalah 31.2 tahun. Sebanyak 51.0% responden berpendapatan RM3,500 ke atas dan 66.0% responden telah berkahwin. Selain daripada itu, majoriti responden mempunyai status

kewangan yang baik iaitu harta melebihi nilai hutang dan mempunyai nisbah bayaran hutang berbanding pendapatan kurang daripada 40%. Hasil kajian mendapati bahawa responden mempunyai peratusan tahap sederhana dalam literasi kewangan dan mempunyai skor peratusan yang rendah dalam aspek produk dan perbankan Islam. Nilai purata tertinggi dicatatkan dalam sikap usaha terhadap wang berbanding subskala sikap terhadap wang yang lain. Selain daripada itu, kajian turut mendapati bahawa peratusan stres kewangan dan pengurusan hutang turut berada pada tahap yang rendah. Walau bagaimanapun, hasil analisis mendapati bahawa pekerja muda mempunyai estim diri yang positif.

Ujian-t mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang mengikut jantina, status kewangan dan nisbah hutang berbanding pendapatan. Ujian ANOVA pula mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan berpendapatan tinggi dengan kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah terhadap pengurusan hutang pekerja muda. Analisis Korelasi Pearson mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara literasi kewangan, sikap obsesi, ketidakcukupan dan usaha terhadap wang serta estim diri dan stres kewangan terhadap pengurusan hutang.

Selain itu, Analisis Regresi Pelbagai menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah dalam kajian ini menyumbang sebanyak 26.8% kepada model. Antara ciri sosio demografi yang menyumbang adalah jantina dan status kewangan terhadap pengurusan hutang. Sikap obsesi terhadap wang, sikap usaha/keupayaan terhadap wang, dan stres kewangan turut menyumbang kepada pengurusan hutang manakala estim diri merupakan faktor peramal utama yang menyumbang kepada model pengurusan hutang.

Penemuan kajian ini adalah berguna terutamanya kepada pihak pembuat dasar dalam memperkenalkan pelan yang bersifat komprehensif melalui badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dalam membantu pekerja muda menguruskan hutang. Pemahaman mengenai pengurusan hutang diperlukan bagi membekalkan pekerja muda dengan kemahiran pengurusan hutang yang berhemah agar statistik pekerja muda yang diisytiharkan muflis dapat dikurangkan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**DEBT MANAGEMENT AMONG YOUNG WORKERS IN CENTRAL ZONE,  
PENINSULAR MALAYSIA**

By

**NURAINI BTE ABDULLAH**

**February 2015**

**Chairman : Mohamad Fazli bin Sabri, Ph.D**

**Faculty : Human Ecology**

Debt management is one of the important areas in personal financial management. Without an efficient debt management, young workers will fail to manage their money well. Transitions phase that are faced by these young workers make them not ready to manage their own personal finances due to different commitment that came along with this transitions process. The purpose of this study is to identify the differences in debt management based on selected socio demographic, to examine the relationship between financial literacy, type of attitude towards money, self esteem, financial stress and debt management of young workers and to identify the determinants of debt management among young workers.

This study was consisted of 508 young workers aged below 40 years old in both public and private sectors of central zone. Samples were selected through multistage sampling technique and data were collected through self-administrated questionnaires. Data analysis were divided into descriptive and inferential analysis involving t-test, ANOVA, Pearson Correlation and Multiple Regressions. All analyses were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS).

The study found out that a total of 313 respondents was female (61.6%) meanwhile 195 were male respondents (38.4%) participated in the survey. Most of the respondents aged between 26-30 years old with an average age of 31.2 years old. Majority of the respondents earned RM3,500 and above per month and 66% of respondents were married. Apart from that, majority of the respondents had a good financial status such as

asset exceeded the value of debt and had debt towards income ratio less than 40%. The findings also showed that the high percentage of respondents had a moderate level of financial literacy and a low percentage score in terms of products and Islamic banking. The highest average value was recorded in attitude towards money that is effort compared to other subscale of attitude towards money. Other than that, the study found that the high percentage of financial stress and debt management were at low levels. Finally, the analysis showed that young workers had a positive self-esteem.

T-test analysis showed that there were significant differences in debt management by gender, financial status and debt to income ratio. ANOVA analysis revealed a significant difference between high-income groups with low and middle income groups in terms of debt management. Whereas Pearson Correlations analysis indicated that there was a significant relationship between financial literacy, attitude towards money obsession, inadequacy/effort, self-esteem and financial stress towards debt management.

Other than that, Multiple Regression analysis showed that the variables in this study contributed 26.8% to the model. The socio demographic characteristics that contributed to the model were gender and financial status. Attitude towards money obsession, attitude towards money efforts and the financial stress contributed to debt management. Whereas self-esteem were the main predictive factors that contributed to debt management model.

These findings are useful for the policy makers in introducing integral comprehensive plan through government bodies and non-governmental organization such as Bank Negara Malaysia (BNM), Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK) and Coalition of Malaysian Consumer Associations (FOMCA) especially in helping young workers to manage debt burden. Prudent debt management skills need to be understood and skilled by young workers so that it can reduce the number of those who had been declared bankruptcy.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat yang dikurniakan akhirnya tesis ini berjaya disiapkan seperti mana yang telah diamanahkan walaupun terdapat banyak halangan dan masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkannya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan membantu dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Afida Mastura Muhammad Arif selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan panduan dan tunjuk ajar.

Tidak dilupakan kepada para pensyarah dan staf di Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia yang turut memberikan dorongan dan semangat. Jutaan terima kasih diucapkan juga kepada ibu bapa iaitu Abdullah Mahmud dan Noraida Md Yusof serta keluarga yang banyak memberikan sokongan dan menyuntik semangat dalam menyiapkan tesis ini. Rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi dugaan dan cabaran dalam menyiapkan tesis dan memberi tunjuk ajar. Terima kasih diucapkan buat semua yang telah membantu bagi menghasilkan tesis ini. Semoga bantuan dan pengorbanan yang disumbangkan mendapat keredhaan Allah S.W.T .



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Mohamad Fazli bin Sabri, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Afida Mastura Muhammad Arif, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Mohamad Fazli bin Sabri, PhD

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Afida Mastura Muhammad Arif, PhD

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	<b>Muka Surat</b>
<i>ABSTRACT</i>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	5
1.2	Persoalan Kajian	8
1.3	Objektif Kajian	8
1.3.1	Objektif Am	8
1.3.2	Objektif Khusus	8
1.4	Hipotesis	9
1.5	Skop kajian	10
1.6	Limitasi Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Definisi Istilah	12
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
2.0	Pengenalan	15
2.1	Pengurusan Hutang	15
2.2	Literasi Kewangan	17
2.3	Sikap terhadap Wang	20
2.4	Estim Diri	22
2.5	Stres Kewangan	24
2.6	Pembentukan Kerangka Kerja	25
2.6.1	Model Pengurusan Keluarga	25
2.6.2	Pemilihan Teori	27
	- Pengurusan Sumber Keluarga	27
	- Teori Estim Diri (TSE)	28
2.7	Kerangka Kajian	29
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>32</b>
3.0	Pengenalan	32
3.1	Deskriptif Kajian	32
3.2	Populasi dan Kaedah Persampelan	32
3.3	Saiz Sampel	35
3.3.1	Pengiraan Saiz Sampel	35
3.4	Pembinaan Instrumen	36

3.4.1	Sosio Demografi	37
3.4.2	Literasi Kewangan	37
3.4.3	Sikap terhadap Wang	38
3.4.4	Estim Diri	39
3.4.5	Stres Kewangan	39
3.4.6	Pengurusan Hutang	40
3.5	Kesahan Borang Soal Selidik ( <i>Validity</i> )	42
3.6	Pra Uji	42
3.7	Ujian Kebolehpercayaan ( <i>Reliability</i> )	42
3.8	Pengumpulan Data	43
3.9	Analisis Data Eksploratori (EDA)	43
3.9.1	Normaliti	43
3.9.2	Andaian <i>Equality of Variance</i>	44
3.9.3	Lineariti	44
3.9.4	Multikolineariti	44
3.10	Analisis Data	45
3.10.1	Analisis Deskriptif	45
3.10.2	Analisis Faktor	45
3.10.3	Analisis Korelasi Pearson	46
3.10.4	Analisis Ujian-t	46
3.10.5	Analisis ANOVA	46
3.10.6	Analisis Regresi Pelbagai	47
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.0	Pengenalan	48
4.1	Latar Belakang Responden	48
4.2	Literasi Kewangan	51
4.3	Sikap Terhadap Wang	61
4.4	Estim Diri	67
4.5	Stres Kewangan	70
4.6	Pengurusan Hutang	73
4.7	Pengujian Hipotesis	80
4.7.1	Perbezaan Pengurusan Hutang Berdasarkan Faktor Sosio demografi	80
4.7.2	Perkaitan antara Literasi Kewangan, Jenis Sikap terhadap Wang, Estim Diri dan Stres Kewangan	85
4.7.3	Faktor Penentu dalam Pengurusan Hutang	89
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>95</b>
5.0	Pengenalan	95
5.1	Ringkasan Kajian	95
5.2	Kesimpulan Kajian	99
5.3	Implikasi Kajian	100
5.4	Cadangan Kajian Datang	103

<b>RUJUKAN</b>	104
<b>LAMPIRAN</b>	122
<b>BIODATA PELAJAR</b>	135
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	136



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Bilangan dan Taburan Jumlah Tenaga Buruh mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia	33
3.2	Bilangan dan Taburan Tenaga Buruh (20-44 tahun) mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia	33
3.3	Saiz Sampel yang Diperlukan bagi Saiz dan Ciri-ciri Penduduk pada Tiga Tahap Ketetapan (Dilman, 2000)	35
3.4	Pembahagian dan Pulangan Borang Soal Selidik Mengikut Negeri	36
3.5	Nilai Kebolehpercayaan Subskala Literasi Kewangan	37
3.6	Nilai Kebolehpercayaan Subskala Sikap terhadap Wang	38
3.7	Nilai Kebolehpercayaan Subskala Pengurusan Hutang	40
3.8	Ringkasan Setiap Pembolehubah dan Pengukuran	41
3.9	Hasil Ujian Kebolehpercayaan	43
3.10	Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	44
3.11	Nilai <i>Tolerance</i> dan <i>VIF</i>	45
4.1	Latar Belakang Responden	50
4.2	Skor Literasi Kewangan	52
4.3	Skor Sikap terhadap Wang	62
4.4	Skor Pengurusan Hutang	73
4.5	Perbezaan Pengurusan Hutang Mengikut Jantina	80
4.6	Perbezaan Pengurusan Hutang Berdasarkan Status Perkahwinan	81
4.7	Perbezaan Pengurusan Hutang Berdasarkan Status Kewangan	82
4.8	Perbezaan Pengurusan Hutang Berdasarkan Nisbah Hutang berbanding Pendapatan	83
4.9	Perbezaan Pengurusan Hutang Berdasarkan Pendapatan Bulanan	84
4.10	Perbezaan Kategori Umur terhadap Pengurusan Hutang	85
4.11	Jadual Matrik Perkaitan Korelasi	86
4.12	Faktor Peramal Pengurusan Hutang Menggunakan Analisis Regresi Pelbagai	90
4.13	Ringkasan Pengujian Hipotesis	93

## SENARAI RAJAH

Jadual		Muka surat
2.1	Model Pengurusan Kewangan (Parrotta & Johnson, 1988)	25
2.2	Teori Estim Diri (Sages & Grabel, 2011)	29
2.3	Kerangka Konseptual Kajian Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda	31
4.1	Skor Literasi Kewangan Berdasarkan Subskala	60
4.2	Tahap Literasi Kewangan	61
4.3	Skor Jenis Sikap terhadap Wang Berdasarkan Sub Skala	67
4.4	Skor Estim Diri	68
4.5	Tahap Estim Diri	69
4.6	Skor Stres Kewangan	70
4.7	Tahap Stres Kewangan	72
4.8	Skor Subskala Pengurusan Hutang	78
4.9	Tahap Pengurusan Hutang	79



## SENARAI SINGKATAN

AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
BNM	Bank Negara Malaysia
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat
CRRC	Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna
CUEPACS	Kongres Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam,
FOMCA	Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MEF	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
NAPIC	Pusat Maklumat Hartanah Kebangsaan
UTC	Pusat Transformasi Bandar

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Pembentangan Bajet 2014 menunjukkan bahawa negara berada pada landasan yang betul dalam usaha untuk mengukuhkan lagi hala tuju Malaysia ke arah perubahan fiskal agar ekonomi negara terus berkembang kukuh selari menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020 (Laporan Bajet, 2014). Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk menjadikan objektif negara sebagai satu kenyataan, rakyat terpaksa berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat di samping isi rumah berhadapan dengan kekurangan pendapatan, simpanan dan pelaburan (Roe, 2003). Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan Laporan Unit Perancang Ekonomi (2010), yang mendapati bahawa pendapatan kasar bulanan isi rumah hanya meningkat sebanyak 29.0% iaitu dari tahun 2004 ke 2010 sedangkan kenaikan harga barang meningkat setiap tahun. Ini menyebabkan penduduk bandar yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan berada pada tahap yang membimbangkan apabila hanya mampu berbelanja untuk barangan keperluan asas sahaja (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), 2010).

Pendapatan yang tidak selari dengan perbelanjaan menjadikan rakyat terpaksa melakukan pinjaman atau berhutang dalam memperolehi barang yang ingin dimiliki. Di antara jenis pinjaman yang ditawarkan dalam pasaran adalah seperti sewa beli, pinjaman bank, pinjaman peribadi, pinjaman kad kredit, pinjaman perumahan dan kenderaan (Celik Wang, 2009). Justeru, tidak hairanlah apabila laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (2010), menyenaraikan sewa beli kenderaan sebagai penyumbang tertinggi kepada kes mufliis di Malaysia iaitu 26.1%, pinjaman perumahan (17.6%), pinjaman peribadi sebanyak 15.5% dan diikuti pinjaman perniagaan iaitu 12.4%. Kelonggaran syarat yang diberikan oleh kerajaan dan institusi perbankan telah mempengaruhi tindakan individu dalam membuat pinjaman atau hutang. Kecenderungan menggunakan perkhidmatan pinjaman ini adalah kerana ia memberikan keselesaan dan kemudahan kepada pengguna apabila tidak perlu membawa sejumlah wang tunai untuk melakukan pembelian terutamanya pembelian yang melibatkan jumlah wang yang besar. Kesannya, statistik daripada Bank Negara Malaysia (BNM), (2013) mendapati bahawa hutang isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM854.3 bilion atau 86.8% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan 61.0% daripada jumlah hutang adalah digunakan bagi membiayai pembelian hartanah dan sewa beli kenderaan.

Budaya berhutang telah lama diterima dalam kehidupan masyarakat sejak awal abad ke-20 kerana telah menjadi satu perkara yang tidak dapat dielakkan (Lea, Webley & Walker 1995; Livingstone & Lunt, 1992). Dalam hal ini, individu dilihat perlu berhutang untuk

memperoleh aset seperti memiliki rumah, kenderaan dan sebagainya dalam usaha meningkatkan taraf hidup seseorang individu itu. Pengurusan hutang yang berhemah dan tidak terbeban di kemudian hari adalah pengukur perbezaan antara mereka. Ini adalah kerana hutang atau kredit memberikan laluan mudah kepada individu dalam memiliki barangan atau perkhidmatan (National Summit on Retirement Savings, 2002). Namun, pembelian yang tidak terancang mendorong perbelanjaan secara berlebihan sehinggakan terdapat individu yang berbelanja di luar kemampuan sendiri.

Hutang merupakan kredit, pinjaman atau bayaran yang dibuat oleh individu untuk mendapatkan sesuatu barang dan perkhidmatan dan akan dibayar kembali pada satu tempoh tertentu (Fazli, Ahmad Hariza & Amim, 2011). Hutang dari persepsi Islam pula merupakan “*dayn*” atau satu kewajipan yang perlu dipenuhi dan bertanggungjawab ke atasnya (Zakaria, Kader, Jaafar & Marican, 2012). Hutang dapat dibahagikan kepada dua iaitu hutang baik dan hutang memudaratkan. Hutang baik merupakan hutang yang dapat memberikan faedah dan keuntungan kepada individu seperti pembelian aset perumahan. Ini adalah kerana nilai aset ini meningkat dari semasa ke semasa. Manakala hutang memudaratkan merupakan hutang yang tidak memberikan keuntungan kepada penghutang. Contohnya pinjaman sewa beli kereta. Ini adalah kerana kereta mempunyai susut nilai yang tinggi dan akhirnya tidak memberikan keuntungan kepada pemilik dalam jangka masa panjang.

Senario keberhutangan yang tinggi sering dikaitkan dengan golongan pekerja muda atau golongan muda. Ini adalah kerana golongan pekerja muda masih belum bersedia dalam menguruskan kewangan peribadi (Isa et al., 2012). Fasa peralihan yang dilalui oleh pekerja muda bermula dari hidup bergantung kepada ibu bapa atau penjaga kepada hidup secara berdikari terutamanya dalam soal kewangan (Shim, Xiao, Barber & Lyons, 2009) menyebabkan sesetengah daripada mereka gagal menguruskan kewangan berikutan kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam aspek kewangan. Situasi ini menjadikan mereka tumpuan institusi-institusi kewangan dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan (Buletin Buletin Ringgit, 2011). Sebagai contohnya, tawaran pembelian kereta tanpa memerlukan bayaran deposit menjadikan golongan pekerja muda terpengaruh tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi oleh mereka setelah pembelian dilakukan (Kongres Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam [CUEPACS], 2011). Selain daripada institusi kewangan, tawaran penurunan harga serta iklan-iklan produk yang menggambarkan gaya hidup semasa turut mempengaruhi corak perbelanjaan pekerja muda.

Corak perbelanjaan pekerja muda secara berlebihan menyebabkan kegagalan dalam pembayaran hutang pada tempoh yang ditetapkan. Hasilnya seramai 19,575 ribu penduduk Malaysia telah diisytiharkan muflis dengan 11,264 terdiri daripada pekerja muda di bawah umur 40 tahun (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2012). Selain itu, pekerja muda akan turut disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) apabila gagal atau tidak berupaya membayar hutang. Mengikut Akta Kebankrapan 1967,

individu yang gagal atau tidak berupaya membayar hutang yang sekurang-kurangnya berjumlah RM30,000 boleh diisytiharkan muflis. Keadaan keberhutangan individu dapat dilihat melalui nisbah pembayaran hutang berbanding pendapatan individu. Menurut AKPK, individu yang melakukan pembayaran ansuran bulanan melebihi 40.0% daripada pendapatan kasar merupakan individu yang tidak dapat mengawal kewangan peribadi sepenuhnya.

Oleh yang demikian, pengurusan kewangan terutamanya menguruskan hutang adalah penting bagi memastikan hutang yang dimiliki tidak memberi kesan ke atas matlamat kewangan yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana, pengurusan yang dirancang dengan baik akan menghasilkan tindakan yang berhemah berdasarkan matlamat kewangan yang ingin diperolehi (Deacon & Firebaugh, 1988). Walau bagaimanapun, gaya pengurusan kewangan individu adalah berbeza antara satu sama lain kerana definisi keperluan dan kehendak pekerja muda adalah berbeza mengikut situasi dan matlamat kewangan yang dihadapi mereka. Tambahan pula, mentaliti “beli sekarang bayar kemudian” (Christian, 2007) yang diterapkan dalam pemikiran pekerja muda menjadikan keadaan semakin bertambah serius sehingga menyebabkan mereka berbelanja melebihi kemampuan diri sendiri. Kajian daripada Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mendapati bahawa pekerja muda menggunakan sekurang-kurangnya 30.0% daripada gaji bagi membayar hutang-hutang yang tertunggak setiap bulan.

Aspek kewangan telah menjadi tunjang utama dalam kehidupan pada masa ini. Hal ini kerana aspek berkaitan kewangan mempengaruhi aktiviti seharian individu seperti pembelian dan pembayaran barangan keperluan, pemilihan produk kewangan untuk persaraan/simpanan, perbandingan insurans dan sebagainya menjadikan keupayaan membuat keputusan kewangan amat mencabar dan memerlukan literasi kewangan yang mencukupi (Basu, 2005). Tambahan pula pertumbuhan institusi kewangan di Malaysia yang begitu pesat membangun dengan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan menyebabkan pekerja muda mempunyai platform mudah untuk mencari alternatif bagi membuat pinjaman terutamanya pinjaman peribadi, perumahan dan kenderaan. Oleh yang demikian, adalah penting bagi pekerja muda mempunyai pengetahuan dalam aspek kewangan sebelum membuat keputusan mengenainya (Buletin Buletin Ringgit, 2011). Walaupun begitu, literasi kewangan pekerja muda di Malaysia masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Ini dibuktikan dengan statistik yang dilaporkan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) melalui Laporan Kaji Selidik Tingkahlaku dan Tabiat Kewangan dalam Kalangan Pekerja Muda (2012) mendapati bahawa 43.0% pekerja muda mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah.

Literasi kewangan yang mencukupi membolehkan konsep kewangan difahami secara menyeluruh dan menyebabkan perubahan sikap individu terhadap wang (Gross & Souless, 2002). Perubahan sikap terhadap wang dilihat berdasarkan penilaian individu terhadap wang sama ada positif mahupun negatif berdasarkan literasi kewangan, pengalaman kewangan dan sosialisasi kewangan ketika kanak-kanak (Kim & Chatterjee,

2013). Dalam konteks ini, sikap terhadap wang yang positif dapat dilihat apabila individu tersebut menganggap wang sebagai simbol kekayaan dan kemegahan manakala sikap terhadap wang yang negatif adalah wang dilihat sebagai bukan keutamaan dalam kehidupan individu. Kesenambungan daripada itulah, wujudnya segelintir golongan pekerja muda yang sering mengukur standard kehidupan berdasarkan barangan yang dimiliki seperti bilangan kenderaan, kad kredit dan sebagainya sehingga menyebabkan mereka sanggup berhutang agar mendapat pengiktirafan daripada rakan sebaya yang lain.

Sikap terhadap wang yang positif dapat memastikan kesejahteraan kewangan melalui perancangan pemerolehan dan penggunaan sumber-sumber yang sedia ada (Husniyah, Fazli & Ahmad Hariza, 2005). Sikap terhadap wang ini adalah berbeza mengikut individu berdasarkan personaliti yang dimiliki. Menurut Baumeister, Tice dan Hutton (1989), personaliti individu adalah dipengaruhi oleh estim diri individu tersebut. Selain itu, menurut Brennan, Zavallos dan Binney (2011) pengurusan hutang yang berhemah turut dikaitkan dengan faktor psikologi iaitu estim diri atau kawalan diri yang tinggi. Estim diri yang tinggi diperlukan agar individu tidak terpengaruh dengan persekitaran luar yang cenderung membawa kepada kegagalan dalam perancangan kewangan. Oleh yang demikian, memiliki estim diri yang tinggi adalah amat penting bagi golongan pekerja muda kerana dapat membantu menguruskan aspek hutang yang dimiliki. Semakin tinggi keyakinan dirinya terhadap aspek kewangan maka semakin tinggilah tahap kawalan diri terhadap kewangan peribadinya. Dapatan kajian daripada Roberts dan Jones (2001) turut menyatakan bahawa estim diri yang rendah dalam diri individu itu telah memberi kesan terhadap penggunaan kad kredit golongan muda.

Estim diri turut dianggap sebagai vaksin bagi mengurangkan masalah sosial terutamanya dalam kalangan golongan muda (James, 2002) seperti penyalahgunaan dadah, jenayah, tekanan perasaan di samping boleh juga digunakan bagi membantu menguruskan kewangan peribadi mereka. Estim diri yang lemah turut mempengaruhi emosi individu. Kajian Dwyer, McCloud dan Hodson (2011) mendapati bahawa individu berasa tertekan dengan status kewangan masing-masing kerana tidak mempunyai keyakinan diri dalam menguruskan hutang mereka walaupun memiliki literasi kewangan. Tambahan pula, kajian daripada Associated Press (2013) mendapati golongan pekerja muda mempunyai masalah tekanan kewangan akibat dibelenggu masalah hutang yang berterusan sehingga memaksa mereka bekerja sepanjang hayat.

## 1.1 Pernyataan Masalah

Umumnya, setiap negara akan mengalami peningkatan kos sara hidup dalam usaha menjadikan sesebuah negara maju seiring dengan peningkatan pendapatan. Penambahan pendapatan turut menyebabkan peningkatan tahap keberhutangan sesebuah masyarakat kerana secara umumnya semakin tinggi pendapatan individu semakin bertambah tingkat perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh individu tersebut. Selain itu, individu juga terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti masalah peningkatan kos pendidikan, kesihatan dan kos sara hidup (Princeton Survey Research Associates International, 2008). Ini jelas ditunjukkan melalui laporan daripada BNM (2010), bahawa lebih enam juta isi rumah Malaysia berhutang sebanyak RM653 bilion dengan purata satu isi rumah menanggung hutang sebanyak RM108,000. Malah sebanyak 11,264 daripada pekerja muda di bawah umur 40 tahun diisytiharkan mufliis pada tahun 2012 (Jabatan Insolvensi Malaysia, 2012).

Perubahan kitaran kehidupan golongan muda yang berubah menuntut mereka membuat beberapa keputusan dalam pemilihan berkaitan kehidupan. Menurut Raveis dan Kandel (1987), terdapat tiga kumpulan golongan dewasa iaitu dewasa muda (18 tahun-24 tahun), dewasa berkeluarga atau tidak (25 tahun-34 tahun) dan dewasa (35 tahun-44 tahun). Ketiga-tiga fasa kehidupan golongan muda ini mempunyai keutamaan kewangan yang berlainan. Pada peringkat ini juga, pembentukan komitmen dalam matlamat kewangan, kerjaya, simpanan bagi tujuan pembentukan keluarga, simpanan bagi tujuan pendidikan anak-anak, pembelian aset, kecemasan dan juga persaraan mula berlaku. Menurut Henry, Weber dan Yarbrough (2001), individu yang berusia 25 tahun ke atas telah mula merancang kewangan masing-masing berdasarkan matlamat yang ingin dikecapi dan mula mengumpul wang, meningkatkan tahap pendidikan, mencari dan mengukuhkan kerjaya dan seterusnya memulakan kehidupan berkeluarga. Oleh itu, memiliki hutang bagi tujuan mencapai matlamat kewangan masing-masing adalah sesuatu yang diperlukan. Justeru, adalah tidak mustahil apabila golongan pekerja muda terpaksa berhadapan dengan bebanan hutang daripada kad kredit, pinjaman perumahan dan jual beli kereta, pembayaran balik pinjaman pendidikan, peningkatan kos perubatan dan kesihatan serta simpanan (Kim, Chatterjee & Kim, 2012) bagi mencapai objektif kewangan masing-masing.

Dewasa ini, pekerja muda dilihat mula mengumpul aset dan melakukan pelaburan bagi mencapai kesejahteraan kewangan pada masa hadapan. Pelaburan aset dalam hartanah terutamanya pembelian rumah merupakan salah satu struktur pelaburan besar yang dilakukan oleh golongan pekerja muda. Walau bagaimanapun, statistik daripada Pusat Maklumat Hartanah Kebangsaan (NAPIC), (2012) mendapati bahawa purata kenaikan harga tahunan Malaysia adalah melebihi 10.0% dan semakin meningkat berdasarkan lokasi perumahan itu berada. Bagi individu yang memiliki rumah, ianya melambangkan pemilikan aset dan kestabilan kewangan individu tersebut. Walau bagaimanapun bagi segelintir pekerja muda yang masih tidak mempunyai kewangan yang kukuh, mereka

terpaksa menyewa rumah bagi memenuhi satu keperluan hidup. Walaupun menurut Buletin Ringgit (2011), pemilikan rumah bukanlah sesuatu yang perlu bagi setiap individu namun, tekanan daripada persekitaran dan keluarga menuntut individu memiliki kediaman sendiri. Keadaan ini sekaligus menyebabkan mereka terpaksa berhutang bagi mencapai matlamat kehidupan yang lebih selesa. Perasaan tidak puas hati dengan status aset yang dimiliki juga turut memaksa golongan ini berhutang dan akhirnya menimbulkan pelbagai masalah kewangan selain perancangan kewangan individu turut berisiko.

Seperti halnya, golongan pekerja muda dilihat golongan yang berisiko dalam aspek kewangan kerana ketidakupayaan menguruskan wang dengan cekap. Mereka seringkali dibebani dengan masalah hutang dan tidak mampu berhadapan dengan pelbagai tekanan dari aspek kewangan sehingga mempengaruhi kesejahteraan diri dan keluarga. Keadaan ini telah menjadi satu isu yang sering dibincangkan dari peringkat pemimpin dasar mahupun golongan akademik. Ini adalah kerana hampir 58.0% (11.65 juta) penduduk yang bekerja merupakan golongan pekerja muda yang berumur antara 25-44 tahun sekaligus merupakan komposisi terbesar penduduk di Malaysia yang mempunyai populasi melebihi 30 juta orang (Unjuran Penduduk Malaysia, 2014). Menurut Laporan Kaji Selidik oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) berkaitan Tingkahlaku dan Tabiat Kewangan dalam Kalangan Pekerja Muda (2012), terdapat 47.0% golongan pekerja muda yang berumur 18 hingga 35 tahun mengalami masalah hutang yang serius dan 37.0% berbelanja di luar kemampuan dan selebihnya tidak mempunyai tabungan langsung. Statistik ini sekaligus menjelaskan ketidakmampuan pekerja muda menguruskan kewangan dengan betul.

Pengurusan hutang yang tidak berhemah seringkali dinilai berdasarkan persepsi dan sikap pekerja muda terhadap wang (Tang, 1992). Ini adalah kerana wang memainkan peranan penting dalam memastikan kehidupan yang lebih selesa. Wang juga merupakan simbolik kepada kekayaan, kejayaan, dan identiti individu (Tatzel, 2002). Sikap pekerja muda yang obses terhadap membelanjakan wang menjadikan penggunaan kad kredit sebagai contohnya digunakan bagi tujuan memuaskan pelbagai kehendak yang sukar dipenuhi dan digunakan untuk tujuan status sosial. Kajian oleh Rutherford dan DeVaney (2009), mendapati bahawa pekerja muda tidak mempunyai sikap yang baik terhadap wang dan cenderung menggunakan kad kredit secara berlebihan dalam perbelanjaan manakala kajian daripada Husniyah et al., (2005) mendapati 39.2% golongan pekerja muda kurang mengambil kira kemampuan pembayaran balik penggunaan kad kredit. Sikap terhadap wang yang tidak berhemah turut menyebabkan pengurusan hutang, perancangan pembelian dan perbelanjaan serta menyebabkan status kewangan peribadi tidak stabil (Husniyah et al., 2012). Akibatnya golongan ini mengalami ketidakcukupan pendapatan. Akhirnya, pekerja muda ini mengambil jalan pintas membuat pinjaman kepada agensi pinjaman wang yang tidak berlesen untuk membayar hutang yang sedia ada walaupun mereka mengetahui risiko keselamatan diri dan keluarga adalah tinggi. Kurangnya literasi berkaitan kewangan merupakan salah satu faktor berlakunya kegagalan dalam pengurusan hutang. Kidwell dan Brinberg (2003) mendapati bahawa

tahap keberhutangan dilihat semakin meningkat terutamanya dalam kalangan golongan pekerja muda akibat kurangnya literasi kewangan. Literasi kewangan merupakan keupayaan individu dalam memahami dan menganalisa pemilihan kewangan, merancang masa hadapan serta melakukan tindakan mengikut pertimbangan apabila berhadapan dengan situasi yang berisiko kepada individu dan keluarga pada masa hadapan (Kotze & Smith, 2008). Justeru menurut Kim et al. (2012), literasi kewangan yang rendah dan amalan pengurusan kewangan yang tidak berhemah mendorong kepada tahap keberhutangan yang tinggi dalam kalangan pekerja muda. Sifat kewangan yang kompleks serta peningkatan kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan pasaran menjadikan pekerja muda mengalami kekeliruan dalam pemilihan produk dan perkhidmatan yang sesuai. Cabaran daripada aspek kewangan ini secara langsung telah menuntut mereka untuk meningkatkan literasi kewangan masing-masing. Menurut laporan daripada Buletin Ringgit (2011), pekerja muda tidak mampu menguruskan kewangan dengan bijak jika mereka tidak mempunyai pengetahuan kewangan yang mencukupi. Pernyataan ini dipersetujui oleh Fajura (2010) bahawa individu perlu mempunyai pengetahuan mengenai terma, syarat dan pengiraan kadar faedah sebelum melakukan sesuatu urusan pinjaman. Justeru itu, tidak hairanlah apabila kajian yang dilakukan oleh Warwick dan Mansfield (2000) mendapati bahawa 71.0% pekerja muda tidak mengetahui kadar faedah yang perlu dibayar apabila menggunakan kad kredit manakala kajian daripada Nannyanzi (2009), berpendapat golongan muda yang tidak mempunyai literasi kewangan mencukupi tidak mampu merancang kewangan peribadi dan melakukan simpanan serta pelaburan yang bijak.

Walau bagaimanapun, menurut Md Nor, Ong dan Lee (2005), kesemua cabaran ini dapat diatasi secara komprehensif jika corak perbelanjaan secara berlebihan dapat dielakkan dan mampu menguruskan hutang dengan cekap. Kesilapan dalam pengurusan kewangan boleh menyebabkan ketidakupayaan dalam menghadapi risiko kewangan yang dihadapi terutamanya dalam peningkatan bebanan hutang dan menyebabkan individu mengalami kemurungan (Husniyah et al., 2012).

Corak perbelanjaan yang terlalu mengikut kehendak berbanding memenuhi keperluan membawa kepada masalah dalam menguruskan hutang yang sedia ada. Perasaan tidak puas hati terhadap kewangan mendorong individu mencari jalan penyelesaian supaya dapat memberikan kesejahteraan hidup kepada diri mahupun keluarga tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapi. Sehubungan itu, pekerja muda perlulah menilai semula kedudukan kewangan semasa terutamanya dalam aspek pengurusan hutang. Berdasarkan isu yang telah dibincangkan di atas, maka adalah perlu kajian terhadap pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda dijalankan terutamanya dalam menilai tahap literasi kewangan, sikap terhadap wang, estimasi diri dan juga stres kewangan. Hal ini kerana, kesemua pemboleh ubah di atas dilihat mempunyai pengaruh ke atas pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda.



## **1.2 Persoalan Kajian**

Dengan mengambil kira permasalahan yang dibincangkan di atas, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan faktor yang mempengaruhi pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat:

1. Adakah terdapat perbezaan pengurusan hutang pekerja muda mengikut faktor sosio demografi?
2. Apakah tahap literasi kewangan, sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan yang dimiliki pekerja muda?
3. Apakah hubungan di antara literasi kewangan, sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan dengan pengurusan hutang pekerja muda?
4. Apakah faktor yang mempengaruhi pengurusan hutang pekerja muda?

## **1.3 Objektif Kajian**

### **1.3.1 Objektif Am**

Umumnya kajian ini adalah bertujuan menentukan faktor yang mempengaruhi pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda berdasarkan objektif khusus berikut:

### **1.3.2 Objektif Khusus**

1. Mengenal pasti perbezaan pengurusan hutang berdasarkan faktor sosio demografi terpilih;
2. Mengukur tahap literasi kewangan, jenis sikap terhadap wang, estim diri, stres kewangan dan pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda;
3. Mengkaji perkaitan antara literasi kewangan, jenis sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan terhadap pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda; dan
4. Menentukan samada faktor sosio demografi, literasi kewangan, sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan mempengaruhi pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda.

## 1.4 Hipotesis

Terdapat sebelas hipotesis nul yang diuji dalam kajian ini iaitu:

- H<sub>0</sub>1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang pekerja muda mengikut jantina.
- H<sub>0</sub>2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang pekerja muda mengikut status perkahwinan.
- H<sub>0</sub>3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang pekerja muda mengikut status kewangan.
- H<sub>0</sub>4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang pekerja muda mengikut nisbah hutang berbanding pendapatan.
- H<sub>0</sub>5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang pekerja muda mengikut pendapatan bulanan.
- H<sub>0</sub>6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengurusan hutang pekerja muda mengikut umur.
- H<sub>0</sub>7: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara literasi kewangan pekerja muda dengan pengurusan hutang.
- H<sub>0</sub>8: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara jenis sikap terhadap wang dengan pengurusan hutang pekerja muda:
- i) Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara obsesi terhadap wang dengan pengurusan hutang pekerja muda.
  - ii) Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara retensi (pengekalan) terhadap wang dengan pengurusan hutang pekerja muda.
  - iii) Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara usaha/keupayaan dengan wang dengan pengurusan hutang pekerja muda.
  - iv) Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ketidakcukupan dengan wang dengan pengurusan hutang pekerja muda.
- H<sub>0</sub>9: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara estim diri pekerja muda dengan pengurusan hutang pekerja muda.
- H<sub>0</sub>10: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara stres kewangan dengan pengurusan hutang pekerja muda.
- H<sub>0</sub>11: Faktor-faktor terpilih iaitu literasi kewangan, sikap terhadap wang, stres kewangan, estim diri, dan faktor sosio demografi (jantina, status perkahwinan, status kewangan, nisbah pembayaran hutang berbanding pendapatan,

pendapatan bulanan isi rumah dan umur) bukanlah faktor peramal dalam pengurusan hutang pekerja muda.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini terdiri daripada pekerja muda berumur 40 tahun ke bawah merangkumi kakitangan awam dan swasta yang meliputi empat negeri di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Perak. Kajian ini turut dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan faktor sosio demografi seperti jantina, status perkahwinan, status kewangan, nisbah pembayaran hutang berbanding pendapatan, pendapatan bulanan isi rumah dan umur pekerja muda terhadap pengurusan hutang mereka. Selain daripada itu, kajian ini turut dilakukan bagi mengetahui tahap literasi kewangan, sikap terhadap wang, estim diri dan stres kewangan pekerja muda serta mengkaji perkaitan di antara faktor-faktor tersebut dengan pengurusan hutang pekerja muda serta menentukan faktor-faktor penentu mempengaruhi pengurusan hutang pekerja muda.

### **1.6 Limitasi Kajian**

Kajian ini memberi fokus kepada golongan pekerja muda dalam menghadapi kehidupan kewangan yang semakin mencabar pada masa kini. Bagi tujuan tersebut, terdapat beberapa limitasi semasa menjalankan kajian ini. Di antaranya adalah kajian ini hanya dijalankan di Semenanjung Malaysia iaitu di zon tengah dan tidak merangkumi keseluruhan pekerja muda di Malaysia. Dapatan kajian yang berbeza mungkin diperolehi kerana latar belakang dan persekitaran yang berlainan selain sampel kajian yang lebih besar dapat diperolehi. Selain daripada itu, majoriti responden merupakan etnik Melayu. Ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam penyelidikan apabila hasil dapatan kajian hanya dapat mewakili satu etnik sahaja.

Ketepatan data kajian yang berdasarkan kejujuran daripada responden ketika menjawab kaji selidik yang diberikan turut menjadi salah satu limitasi kajian ini memandangkan soalan kaji selidik ini adalah berbentuk tertutup.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Hutang seringkali dilihat sebagai perkara yang membebankan. Namun jika hutang yang dimiliki dapat diuruskan dengan baik, senario muflis seperti yang dilihat pada masa kini dapat dihindari. Oleh itu, penyelidikan ini dilihat bersesuaian dalam memberikan pendedahan tentang kelemahan pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Walaupun sebahagian daripada pekerja muda mengakui dapat menguruskan hutang dengan baik, namun statistik menunjukkan kadar muflis meningkat saban tahun. Keadaan ini tentunya menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dari segi pengurusan

hutang mereka. Menurut Davis dan Weber (1990), terdapat empat langkah bagi menguruskan kewangan dengan baik iaitu melakukan bajet, menyimpan rekod perbelanjaan, membandingkan rekod perbelanjaan dan menganggarkan nilai bersih bagi keseluruhan perbelanjaan. Namun begitu, tidak semua golongan pekerja muda mengikut langkah yang disarankan. Malah segelintir pekerja muda yang mengikuti strategi yang disarankan masih gagal dalam menguruskan hutang dengan cekap.

